



bab 1 arah dan kedudukan dalam peta topografi

1.1 Lapan arah mata angin



ARAH MATA ANGIN UTAMA


- Utara (U)
- Timur (T)
- Selatan (S)
- Barat (B)




ARAH MATA ANGIN PERANTARAAN

- Timur Laut (TL)
- Tenggara (Tg)
- Barat Daya (BD)
- Barat Laut (BL)


1.2 menentukan arah LOKASI dalam Peta TOPOGRAFI



LANGKAH 1 Tandakan lokasi titik X dan tandakan lokasi titik Y.




LANGKAH 2 Lukis garisan lurus di antara titik X dan titik Y.



LANGKAH 3 Tentukan arah mata angin di titik Y kerana titik Y merupakan titik rujukan.

Studywithadmin - ns




LANGKAH 4 Arah titik X dari titik Y ialah arah Barat Laut.



1.3 menggunakan Rujukan Grid untuk menentukan kedudukan dalam Peta topografi





LANGKAH-LANGKAH MENENTUKAN RUKUKAN GRID 4 ANGKA



- i. Tentukan segi empat grid bagi kawasan pertanian kelapa.
- ii. Rujuk nilai garis Timuran iaitu 07 dan nilai garis Utaraan iaitu 40.
- iii. Baca nilai garis Timuran dahulu, kemudian Nilai garis Utaraan.

Studywithadmin - ns



LANGKAH-LANGKAH MEMBACA RUKUKAN GRID 6 ANGKA



- i. Perhatikan kedudukan masjid di dalam segi empat grid 0540
- ii. Bahagikan segi empat grid jarak di antara garis Timuran 05 dan 06 kepada 10 bahagian yang sekata dan nomborkan dari 0 hingga 10.
- iii. Bahagikan segi empat grid jarak di antara garis Utaraan 40 dan 41 kepada 10 bahagian yang sekata dan nomborkan dari 0 hingga 10..
- iv. Kenal pasti nilai titik persilangan garis Timuran iaitu 054 dan garis Utaraan iaitu 408.




1.4 MENGUKUR BEARING GRID DALAM PETA TOPOGRAFI



Bearing grid ialah sudut yang boleh diukur dari arah Utara (0°) mengikut pusingan jam

Contoh ukuran bearing grid bagi titik B dari A ialah 45° .




Garisan Timuran menunjukkan arah Utara Grid

Bearing grid dapat diukur dengan menggunakan jangka sudut



LANGKAH-LANGKAH MENGUKUR BEARING GRID KURANG DARIPADA 180°

Mengukur bearing grid Tanda Aras 7.50 (RG 616915) dari Stesen Trigonometri Bukit Jong (RG 596926).



i. Tentukan rujukan grid 6 angka bagi Tanda Aras 7.50 dan rujukan grid 6 angka bagi Stesen Trigonometri Bukit Jong.

Rujukan grid 6 angka bagi Stesen Trigonometri Bukit Jong ialah RG 596926.

Rujukan grid 6 angka bagi Tanda Aras 7.50 ialah RG 616915.

Red sus

ii. Lukis garisan lurus bermula Tanda Aras 7.50 (RG 616015) ke Stesen Trigonometri Bukit Jong (RG 596926). Lukiskan arah mata angin di Stesen Trigonometri Bukit Jong kerana merupakan titik rujukan.


Studywithadmin - ns

iii. Letakkan pusat jangka sudut pada Stesen Trigonometri Bukit Jong (RG 596926). Bearing grid Tanda Aras 7.50 dari Stesen Trigonometri Bukit Jong ialah 120.



LANGKAH-LANGKAH MENGUKUR BEARING GRID MELEBINI 180°

Mengukur Titik Ketinggian 285 di RG 584938 dari Stesen Trigonometri Bukit Jong di RG 596926.



i. Tentukan kedua-dua lokasi dan lukis garisan lurus dari Stesen Trigonometri Bukit Jong ke Titik Ketinggian 285.

ii. Lukis arah mata angin di Stesen Trigonometri Bukit Jong kerana merupakan titik rujukan..

iii. Ukur sudut dari Utara ke Selatan iaitu 180° dan ukur sudut dari arah Selatan ke Titik Ketinggian 285 iaitu 131°

iv. Bearing grid Titik Ketinggian 285 dari Stesen Trigonometri Bukit Jong ialah 311° ($180^\circ + 131^\circ$).



Studywithadmin - ns

